

14 MAY 2002

Mahathir-Deklarasi/I

KL DAN WASHINGTON MENTERAI DEKLARASI ANTI-KEGANASAN

Oleh: Jaafar Hussin dan Salmy Hashim

WASHINGTON, 14 Mei (Bernama) -- Malaysia dan Amerika Syarikat pada Selasa menandatangani satu deklarasi yang menyediakan rangka kerja bagi kerjasama dalam pencegahan dan menggendalakan serta memerangi jenayah antarabangsa.

Deklarasi bagi Kerjasama Untuk Memerangi Keganasan Antarabangsa itu akan membolehkan pertukaran dan aliran maklumat dan risikan dan pengukuhan keseluruhan hubungan dua hala antara kedua-dua penandatanganan.

Deklarasi itu dimeterai ketika dunia sedang berhadapan dengan bahaya keganasan berikutan serangan 11 Sept ke atas Amerika Syarikat.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar menandatangani deklarasi itu bagi pihak Malaysia manakala Amerika Syarikat diwakili pemangku Setiausaha Negaranya Richard Armitage.

Majlis menandatangani itu diadakan di Jackson Room di rumah tetamu presiden Amerika Syarikat, yang dipanggil Blair House, di mana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menginap semasa lawatan tiga hari beliau ke Amerika Syarikat yang bermula pada Isnin.

Dr Mahathir menyaksikan majlis menandatangani deklarasi itu. Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman.

Skop dan bidang kerjasama itu ialah:

- \* Meneruskan dan memperbaiki risikan dan maklumat pembiayaan pengganas berdasarkan langkah-langkah menangani keganasan, termasuk membangunkan lebih banyak dasar dan undang-undang, peraturan bagi menangani keganasan dan pentadbiran dalam menangani regim keganasan.

- \* Meningkatkan hubungan sedia ada antara agensi penguatkuasa undang-undang kedua-dua negara bagi menggariskan kerjasama praktikal dalam menangani keganasan.

- \* Memperkukuhkan usaha-usaha membina kapasiti melalui latihan dan pendidikan; perundingan antara pegawai, penganalisis, dan pengusaha luar; seminar; persidangan; dan operasi bersama, apabila perlu.

- \* Bantuan bagi pengangkutan, sempadan dan cabaran kawalan imigresen, termasuk dokumen dan mengenal pasti penipuan bagi membendung aliran bahan, wang dan orang berkaitan keganasan dengan lebih efektif.

- \* Mematuhi senarai dan pekeliling Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang memerintahkan pembekuan aset pengganas, dan

- \* Para peserta pada bila-bila masa akan bersama-sama menentukan pertambahan bidang-bidang kerjasama di bawah deklarasi kerjasama ini.

Bagi melaksanakan deklarasi itu, setiap negara akan melantik sebuah agensi untuk bertindak sebagai pengantara pusat bagi tujuan pelaksanaan seperti yang digariskan dalam dokumen empat muka surat itu.

Ia termasuk polis, tentera, risikan, agensi penguatkuasa undang-undang lain dan agensi lain yang berkaitan termasuk imigresen, kastam dan Jabatan hakim/Peguam Negara.

Deklarasi itu juga menyatakan bahawa mana-mana pihak tidak boleh mendedahkan atau mengedarkan sebarang maklumat, dokumen atau data sulit yang diterima semasa pelaksanaan deklarasi itu kepada pihak ketiga kecuali setelah dipersetujui oleh satu lagi pihak.

Ia menyatakan bahawa dokumen itu mungkin boleh diubah atau disemak, sekiranya perlu, melalui kebenaran bersama dalam bentuk tulisan oleh kedua-dua peserta.

Menurutnya sebarang pertikaian yang timbul dalam tafsiran atau pelaksanaan deklarasi itu harus diselesaikan dengan baik melalui rundingan atau perbincangan antara kerajaan-kerajaan melalui saluran diplomatik.

Deklarasi itu menyatakan bahawa dokumen itu tidak bermaksud untuk menghadkan atau memaksa tindakan masing-masing oleh Amerika Syarikat atau Malaysia dalam memerangi keganasan, tetapi berupa satu usaha untuk meningkatkan keberkesanan usaha-usaha berkenaan.

Terdahulu, Dr Mahathir mengadakan perbincangan dengan Armitage, Setiausaha Perbendaharaan O'Neill dan Wakil Perdagangan Amerika Syarikat Robert Zoellick di Blair House.

-- BERNAMA

JH SH DC RHM